

Samy Vellu kesal terhadap kenyataan ketua polis

KUALA LUMPUR, Jumaat — Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu, menyuarakan rasa kesalnya hari ini mengenai kenyataan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd. Noor Khamis, yang menafikan berlakunya kekejaman terhadap pekerja-pekerja di ladang Selancar Empat di selatan Pahang.

Dalam sidang akhbar yang diadakan di pejabatnya, Datuk Samy berkata, beliau dan sekumpulan pegawai kerajaan telah pergi dan menyaksikan sendiri keadaan di ladang itu.

Katanya, kenyataan Datuk Mohd. Noor dalam beberapa akhbar hari ini adalah tidak benar dan secara tidak langsung menunjukkan "sikap endah tak endah pihak polis terhadap kejadian itu".

Dalam kenyataan itu, Datuk Mohd. Noor mengesahkan tidak ada sebarang kekejaman dilakukan ke atas pekerja-pekerja di ladang itu. Se-

baliknya, mereka dilaporkan menerima layanan baik dari majikan.

Datuk Mohd. Noor juga menafikan ada pekerja yang dipukul. Tetapi, katanya, ada yang didapati mencuri dan hanya pertikaian kecil berlaku.

Datuk Samy Vellu menegaskan, dalam tiga lawatan beliau ke kawasan ladang itu, beliau menyaksikan betapa teruknya keadaan pekerja-pekerja di situ.

Samsu

"Mereka terpaksa tinggal di pondok-pondok kecil atau reban kambing dan ramai pekerja serta kanak-kanak yang mempunyai kesan-kesan luka dan balar di tubuh mereka kerana dipukul dan disiksa dengan teruk kerana melakukan kesalahan kecil," beliau mendakwa.

"Apa yang lebih mengejutkan ialah kenyataan Datuk Mohd. Noor yang mengatakan tidak ada kekejaman dan penyesakan berlaku di kawasan ladang itu,"

kata Datuk Samy Vellu lagi.

Datuk Samy Vellu menggariskan beberapa kekejaman yang dilakukan oleh majikan di ladang itu. Antaranya ialah:

- Beberapa orang kanak-kanak dipaksa minum samsu yang bercampur dengan serbuk cili sebagai hukuman kerana kesalahan kecil.
- Mengurung pekerja-pekerja dalam reban, memukul atau mengoyakkan kulit kepala mereka sekiranya mereka melakukan kesalahan ketika bekerja.
- Menyimpan kad pengenalan pekerja-pekerja.
- Seorang gadis sunti mendakwa dia dirogol oleh majikannya. Perkara itu masih dalam siasatan polis.
- Tidak ada kemudahan asas dan pelajaran kepada kanak-kanak. Ada kanak-kanak yang tidak tahu nama sendiri.
- Ada pekerja yang dipaksa memakan daging anjing atau najis sendiri sebagai hukuman kerana

kesalahan mereka.

Kata Datuk Samy Vellu, ini adalah kekejaman-kekejaman yang dilaporkan kepada beliau dalam lawatannya ke kawasan itu dan kenyataan Ketua Polis Pahang itu "amat tidak munasabah serta tidak seharusnya dikemukakan".

Mengenal langkah lanjut yang dilakukan oleh MIC untuk mengatasi masalah itu, beliau berkata, semua pekerja ladang itu akan dipindahkan ke sebuah ladang baru di Kemaman, Terengganu, Ahad ini.

Di ladang baru itu, mereka akan diberi gaji pendahuluan, tempat tinggal yang sesuai dan kemudahan pelajaran kepada anak-anak mereka.

"MIC juga akan membuat penyalatan di kedua-dua ladang berhamplan dengan ladang Selancar Empat, iaitu ladang Selancar Tiga dan ladang Kim San, yang dikatakan turut melakukan kekejaman dan penindasan ke atas pekerja-pekerja," tambahnya.